



Kolum Khabar
Indonesia ini
dibawakan
pada setiap hari
Jumaat oleh:



ANTARA
KANTOR BERITA INDONESIA

Kosmo!

Palembang dan Cheng Ho tidak dapat dipisahkan

Sejarah kota Palembang di Sumatera, Indonesia tidak dapat dipisahkan dengan kedatangan Laksamana Cheng Ho dari China antara tahun 1407 hingga 1433 Masihi. Cheng Ho meninggalkan pelbagai tinggalan sejarah yang mampu menjadikan daerah tersebut satu tarikan pelancongan.

PAHLAWAN dan pelaut hebat dari negara China, Laksamana Cheng Ho atau nama sebenarnya Ma He pernah menjejakkan kaki di Indonesia antara tahun 1407 hingga 1433 Masihi dan meninggalkan kesan sejarah bagi negara tersebut. Cheng Ho bersama angkatan lautnya yang terdiri daripada 27,800 tentera dan 62 buah kapal pernah singgah di beberapa daerah di Indonesia seperti Aceh, Batam, Belitong, Jakarta, Semarang, Cirebon, Surabaya, Bali dan telah melawat Palembang sebanyak empat kali.



perompak yang dipimpin oleh seorang lelaki berbangsa Tionghua iaitu Chen Tsui Ji ketika kawasan tersebut berada di bawah kuasa Sriwijaya pada tahun 1407.

Tentera Laksamana Cheng Ho berjaya membunuh Tsu Ji yang merupakan seorang bekas perwira angkatan laut China yang berasal dari Kanton. Dia telah melarikan diri ketika pemerintahan Dinasti Ming.

Dalam misi pelariannya, Tsu Ji bersama ribuan pengikutnya berlabuh di Palembang dan mula menguasai Palembang atau dalam bahasa China, Po Lin Fong, yang bererti pelabuhan tua.

Selama berkuasa di Palembang, Tsu Ji menguasai daerah di sekitar muara Sungai Musi, perairan

Ho singgah di kebanyakan tempat di Indonesia namun, penduduk Palembang yakin beliau telah menetap di bumi Sriwijaya itu dalam tempoh yang lama kerana mahu menyebarkan agama Islam.

"Kesan sejarah yang telah ditinggalkan oleh Laksamana Cheng Ho kini menjadi destinasi utama pelancong terutama dalam kalangan bangsa Tionghua dari Indonesia.

"Disebabkan itu, Sumatera Selatan bersungguh-sungguh untuk menjadikan sejarah ini sebagai potensi besar untuk membina industri pelancongan yang membabitkan laluan perjalanan Laksamana Cheng Ho," katanya kepada ANTARA baru-baru ini.

Jelas beliau, pemerintah wilayah bersama biro perjalanan, badan-badan masyarakat setempat

TUGU Cheng Ho
dibina di Kuil
Sam Poo Kong
yang terletak
di Semarang,
Jawa Tengah,
Indonesia.

Tertulis dalam
catatan sejarah,
ketika berada di
kota Palembang,
pahlawan itu
telah berjaya
menumpaskan
sekumpulan

Sungsang dan Selat Bangka.
Berikutan daripada kejayaan
tersebut, Cheng Ho telah membina
komuniti masyarakat China Islam di
Palembang.

Destinasi pelancongan

Menurut Ketua
Jabatan Kebudayaan
dan Pelancongan
Wilayah Sumatera
Selatan, Irene Camalyn,
walaupun Laksamana Cheng

kedutaan, masyarakat setempat
dan pengusaha pelancongan kini
berusaha untuk mempromosikan
kisah Laksamana Cheng Ho.

“Setiap negara berusaha untuk
menarik kedatangan pelancong dari
China ke negara mereka dan rekod
menunjukkan setiap tahun kira-
kira 100 juta penduduk republik itu
melancong ke luar negara.

“Kota Palembang mempunyai
sejarah dan budaya dari negara
China dan kami mahu menggunakan
kelebihan itu untuk menarik
kedatangan pelancong dengan
sasaran lima juta setahun,” jelasnya.

Beliau menjelaskan, terdapat
pelbagai sejarah peninggalan
Laksamana Cheng Ho walaupun

> Informasi

Laksamana Cheng Ho

- Nama sebenar Ma He atau lebih dikenali sebagai Cheng Ho.
- Seorang pegawai istana, pelaut, pengembara, diplomat dan laksamana armada pada awal Dinasti Ming.
- Diperintahkan berlayar ke Asia Tenggara, Asia Selatan, Timur Tengah dan Afrika Timur pada 1405-1433 Masihi.
- Laksamana itu pernah datang ke Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Shah.



INILAH bentuk kapal yang digunakan oleh Laksamana Cheng Ho untuk menjelajah pada abad ke-15.

15/5/2015
mls 25

PEMANDANGAN kota Palembang di Sumatera Selatan yang pernah disinggahi Laksamana Cheng Ho kira-kira 600 tahun lalu.



tujuan kedatangannya ke Palembang sebenarnya masih samar-samar.


“Selepas menewaskan kumpulan perompak tersebut, Laksamana Cheng Ho telah berlabuh sebanyak tiga kali lagi di Palembang.”

“Walaupun tujuan sebenar kedatangannya tidak diketahui namun barang peninggalan sejarah dan melalui kisah yang diceritakan oleh masyarakat setempat membuktikan budaya Tionghua berkembang pesat di Palembang,” jelasnya.

Jelas beliau, sejarah tersebut boleh dilihat pada Masjid Cheng Ho Palembang atau nama sebenarnya Masjid Al Islam Muhammad Cheng Ho Sriwijaya Palembang yang terletak di Jakabaring.

Masjid tersebut didirikan hasil usaha Persatuan Islam Tionghua Indonesia Sumatera Selatan dan tokoh masyarakat Tionghua di sekitar Palembang yang kini menjadi lokasi pelancongan keagamaan.

Sementara itu, Pusat Pelancongan Sutra Pelayaran laluan Laksamana Cheng Ho pula menjadi destinasi pelancongan baharu di Sumatera Selatan yang terdiri daripada sembilan lokasi bermula dari Aceh hingga ke Bali.



PETA LAMA... Perjalanan Cheng Ho dari China yang menunjukkan laksamana itu telah sampai ke Palembang, Aceh, Batam, Palembang, Belitong, Jakarta, Semarang, Cirebon, Surabaya dan Bali hingga ke Tanah Arab.

Pelancongan Laluan Samudera Laksamana Cheng Ho itu merupakan hasil perancangan Kementerian Pelancongan untuk menarik pelancong dari China untuk datang ke Indonesia.

Hargai sejarah dan budaya

Dalam pada itu, Menteri Koordinator Kemaritiman, Indroyono Soesilo berkata, warga China sangat menghargai sejarah dan budaya mereka, tambahan pula Laksamana Cheng Ho sangat dihormati oleh penduduk di negara tersebut.

Beliau juga optimis pembukaan tarikan pelancongan baharu iaitu Laluan Samudera Laksamana Cheng Ho itu mampu meningkatkan kunjungan pelancong asing terutamanya dari China ke Indonesia.

keseluruhan pelancong ke Indonesia.

Jumlah tersebut adalah kecil berbanding Malaysia yang mempunyai wilayah laut yang lebih kecil dengan merekodkan sebanyak 40 peratus daripada jumlah keseluruhan pelancong ke negara tersebut.

Menurut data itu, seramai 100 juta rakyat China keluar melancong setiap tahun namun kedatangan mereka ke Indonesia hanya satu peratus berbanding Thailand seramai lima juta.

“Kami yakin dapat menarik lebih ramai pelancong dari China,” kata Indroyono.

Jelas beliau, Palembang mempunyai potensi yang besar dalam industri pelancongan yang terdiri daripada pelancongan keagamaan, makanan, beli-belah dan sejarah.

Setakat ini, pelancong yang

Sal.

Pelancong boleh merakamkan foto perjalanan mereka di sembilan lokasi tersebut dengan berlatarbelakangkan peninggalan sejarah atau bangunan yang dibina khusus untuk memperingati perjalanan Laksamana Cheng Ho di sekitar Indonesia.

Laluan tersebut akan memberi pengalaman kepada pelancong untuk merasai bagaimana laksamana itu melakukan perdagangan sambil menyebarkan agama Islam di Indonesia.

Sebagai contoh, di Aceh terdapat Loceng Cakra Donya yang tergantung di pintu masuk Muzium Aceh.

Loceng raksasa berbentuk stupa dengan hiasan tulisan Arab dan China itu merupakan pemberian Maharaja Yongle yang dibawa ke Aceh oleh Laksamana Cheng Ho sekitar 1414.

“Ia adalah salah satu usaha untuk menarik pelancong dari China ke Indonesia. Mereka sangat menghormati budaya dan Laluan Samudera Laksamana Cheng Ho. Ini adalah peluang untuk Indonesia menarik kedatangan pelancong dari negara itu,” katanya ketika merasmikan Pelancongan Laluan Samudera Laksamana Cheng Ho baru-baru ini.

Walaupun pelancongan berasaskan sejarah maritim masih baharu namun usaha tersebut perlu disokong, malah Presiden Indonesia, Joko Widodo mempunyai minat yang tinggi terhadap kawasan tersebut memandangkan sebahagian besar wilayah negara itu terdiri daripada laut.

Berdasarkan data Kementerian Pelancongan, pelancongan maritim menyumbang sebanyak 10 peratus daripada jumlah

Setakat ini, pelancong yang datang ke Indonesia terdiri daripada pelbagai faktor dan 35 peratus adalah kerana tertarik dengan faktor alam, makanan, keagamaan dan sejarah (60 peratus) dan pelancongan buatan (lima peratus).

Sementara itu, jumlah kunjungan pelancong ke Sumatera Selatan adalah berjumlah tiga juta setahun dan pada tahun ini Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan Wilayah Sumatera Selatan menyasarkan jumlah pelancong seramai lima juta orang.

- ANTARA

Kolum Khabar Indonesia ini dikelolakan oleh:

- N. Aulia Badar (ANTARA)
- Junhairi Alyasa (Kosmo!)

Untuk memberikan respons, sila e-mel ke kosmoantara@gmail.com